Bank Pilihan Anda

SIARAN MEDIA

BANK RAKYAT PERKASA MASYARAKAT CELIK KEWANGAN MENERUSI PROGRAM BULAN LITERASI KEWANGAN 2026

KUALA LUMPUR, 3 NOVEMBER 2026 – Bank Rakyat memperkukuh usaha membina daya tahan kewangan masyarakat menerusi **Program Bulan Literasi Kewangan 2026** yang memberi tumpuan kepada amalan menabung, pengurusan wang secara berhemah serta penggunaan perbankan digital yang selamat, khususnya dalam kalangan komuniti yang belum atau kurang mendapat akses kepada perkhidmatan kewangan.

Program yang berlangsung di Kompleks Pembangunan Asnaf Lembaga Zakat Negeri Kedah baru-baru ini menghimpunkan lebih **1,200 pengunjung** serta melibatkan penyertaan daripada lebih **37 buah institusi pendidikan**.

Bertemakan **"Bijak Wang Dulu, Tenang Bila Perlu",** program berkenaan menyokong pelaksanaan Bulan Literasi Kewangan anjuran Jaringan Pendidikan Kewangan (FEN) yang dipengerusikan bersama oleh Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Bank Rakyat dalam satu kenyataan berkata, penganjuran program ini mencerminkan komitmen berterusan Bank Rakyat dalam memperluas pendidikan dan keterangkuman kewangan agar lebih ramai masyarakat mempunyai pengetahuan untuk membuat keputusan kewangan yang bijak.

"Perancangan kewangan yang berkesan bermula dengan langkah kecil yang konsisten seperti menabung, berbelanja mengikut kemampuan dan memanfaatkan kemudahan digital secara bijak serta bertanggungjawab. Apabila masyarakat memiliki tahap literasi kewangan yang tinggi, mereka lebih bersedia menghadapi sebarang cabaran ekonomi serta berupaya merancang masa depan dengan yakin," ujar Bank Rakyat.

Bank Pilihan Anda

Tambah Bank Rakyat, usaha mendekati komuniti melalui pendidikan kewangan sejajar dengan aspirasi **#UntukSemua** Bank Rakyat, dengan penekanan terhadap golongan yang masih berdepan kekangan akses kepada pengetahuan dan kemudahan kewangan.

Pengisian program tersebut merangkumi empat sesi perkongsian utama, iaitu “Bijak Wang Dulu, Tenang Bila Perlu”, “Urus Kewangan, Sejahtera Kehidupan”, “Perbankan Tanpa Batas di Hujung Jari Anda” serta “Penipuan Jenayah Siber dan Digital”. Turut diadakan, sesi penerangan pengurusan kewangan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) Alor Setar.

Pelaksanaan Program Bulan Literasi Kewangan di Alor Setar tahun ini merupakan kesinambungan usaha Bank Rakyat dalam mendekati komuniti selepas penganjuran di Tenom, Sabah pada 2023, Kota Bharu, Kelantan pada 2024 dan Bintulu, Sarawak pada 2025.

Pada majlis sama, Bank Rakyat turut menyerahkan zakat berjumlah **RM347,250** kepada **24 buah sekolah** di sekitar Alor Setar. Manakala, Yayasan Bank Rakyat menyampaikan bantuan awal persekolahan berjumlah **RM3,750** kepada **Pertubuhan Jagaan Kasih Anak Yatim dan Anak Asnaf Kuala Nerang.**

Selain pendidikan kewangan, Bank Rakyat terus memperluas capaian perbankan menerusi Ar-Rahnu on Wheels (ARROW), khususnya untuk pelanggan di kawasan pedalaman dan lokasi yang mempunyai akses terhad kepada kemudahan kewangan.

Perkhidmatan Bank Bergerak Alor Setar yang diperkenalkan sejak 2016 telah dinaik taraf kepada ARROW pada 2024 dengan penambahan perkhidmatan Ar-Rahnu. Kemudahan tersebut turut menawarkan urusan pembukaan akaun, deposit dan pengeluaran tunai, pembayaran bil serta pemindahan dana tanpa pelanggan perlu mengunjungi cawangan.

-TAMAT-